

22 JUL 2001

Black Metal-Pendidikan

PENDIDIK HARUS BERBINCANG UNTUK ATASI MASALAH SOSIAL

PETALING JAYA, 22 Julai (Bernama) -- "Black Metal" dan masalah sosial lain yang berlaku di negara ini hanya boleh diatasi jika sistem pendidikan negara ini boleh memantau perkembangan kanak-kanak dari rumah, alam persekolahan sehinggalah ke peringkat universiti.

Menurut Naib Canselor Universiti Malaya (UM) Profesor Datuk Dr Anuar Zaini Md Zain, sebarang perubahan sikap yang berlaku terhadap seorang pelajar di universiti harus dilihat perubahan sikapnya dari sekolah.

"Satu perkara yang patut kita tengok ialah bagaimana kita mengolah perubahan sikap minda anak-anak sekolah itu daripada rumah, sekolah rendah, menengah sehinggalah ke universiti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan "Simposium Kebangsaan Masyarakat Malaysia: Isu dan Cabaran Abad ke 21" di sini hari ini.

Oleh itu beliau mengesyorkan supaya diadakan satu perbincangan dengan semua peringkat pendidik untuk mencari mekanisme yang membolehkan mereka membantu memantau perkembangan minda pelajar dari alam sekolah rendah dan naik secara berperingkat.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang menyebut Kementerian Pendidikan hanya melihat hal pendidikan sahaja tanpa memantau sikap pelajar di luar bidang itu.

Simposium selama dua hari itu dihadiri kira-kira 50 orang dari pelbagai bidang untuk membincangkan cabaran-cabaran yang bakal dihadapi oleh masyarakat Malaysia pada abad ke 21 ini.

Maklumat daripada simposium itu akan dikumpulkan supaya dapat dibuat satu dasar yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat yang lebih kuat, kukuh dan lebih bertamadun pada masa akan datang.

-- BERNAMA

SLR RV PR